



---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**8 NOVEMBER 2022 (SELASA)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**8 NOVEMBER 2022 (SELASA)**

## Ulang alik 10 kali sehari ke stesen minyak curi diesel

**Rawang:** Isi minyak diesel di stesen minyak secara berulang sehingga 10 kali sehari untuk dihantar ke stor haram berhampiran premis terbabit di daerah ini.

Itu taktik sindiket penyeludupan diesel bersubsidi dari sebuah stesen minyak di Rawang ke sebuah stor haram di kawasan berhampiran.

Bagaimanapun, kegiatan sindiket terbabit tumpas selepas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor menyerbu premis terbabit jam 9 malam pada 1 November lalu.

Pengarahnya, Mohd Zuhairi

Mat-Radey, berkata operasi itu adalah susulan daripada aduan yang diterima berhubung aktiviti pergerakan sebuah lori membuat pengisian minyak diesel secara berulang di stesen minyak yang diadu.

Beliau berkata, tindakan serbuan hendap oleh pasukan operasi dilakukan ketika aktiviti pengisian minyak diesel sedang dilakukan oleh pemandu lori di sebuah stesen minyak di Rawang.

"Modus operandi aktiviti ini adalah membuat pengisian di stesen minyak secara berulang antara enam enam hingga 10 kali sehari untuk dihantar ke stor berhampiran yang disyaki

stor haram.

"Berdasarkan situasi ini, dipercayai terdapat aktiviti urus niaga jual beli antara stesen minyak yang berdekatan dengan stor itu," katanya dalam kenyataan semalam.

Mohd Zuhairi berkata, suatu Arahan Pengisytiharan Stok dan Mengemukakan Maklumat/Dokumen mengikut Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961 (AKB 1961) dikeluarkan kepada stesen minyak berkenaan.

"Kita turut menahan dua lelaki dipercayai sebagai pemandu lori sebelum dirakam percakapan dan dilepaskan dengan jaminan polis," katanya.



Antara barang yang ditemui di stor haram untuk menyimpan diesel bersubsidi di Rawang.

(Foto ihsan KPDNHEP)

**Rawang:** Kegiatan sindiket penyeludupan mengisi minyak diesel di stesen minyak secara berulang sehingga 10 kali sehari terbongkar selepas stor penyimpanannya diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor jam 9 malam, 1 November lalu.

Pengarahnya Mohd Zuhairi Mat Radey berkata, operasi hendap itu susulan aduan diterima berhubung aktiviti pergerakan kenderaan jenis lori membuat pengisian minyak diesel secara berulang di stesen minyak yang diadu.

## Isi diesel sampai 10 kali sehari!

Menurutnya, tindakan serbuan hendap oleh pasukan operasi dilakukan ketika aktiviti pengisian minyak diesel dilakukan pemandu lori di sebuah stesen minyak di Rawang.

"Modus operandi aktiviti ini adalah membuat pengisian di stesen minyak secara berulang antara enam hingga 10 kali sehari untuk dihantar ke stor berhampiran.

"Berdasarkan situasi ini, dipercayai ada aktiviti urusan niaga jual beli antara stesen

minyak yang berdekatan dengan stor itu," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mohd Zuhairi berkata, satu Arahan Pengisytiharan Stok dan Mengemukakan Maklumat/Dokumen mengikut Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961 (AKB 1961) dikeluarkan kepada stesen minyak berkenaan.

"Pasukan serbuan turut menahan dua lelaki, dipercayai terbabit sebagai pemandu lori sebelum dirakam percakapan dan dilepaskan de-


ngan jaminan polis.

"Dua lori terbabit disita dan minyak diesel di dalam tangki lori disita adalah sejumlah 830.3 liter dengan anggaran keseluruhan nilai sitaan RM300,000," katanya.

Beliau berkata, siasatan dijalankan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 ke atas pemilik stesen minyak kerana melanggar Peraturan 12A kesalahan di bawah Peraturan 21 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (PPKB) 1974.



LOKASI KPDNHEP Selangor menumpaskan sindiket seludup minyak diesel di Rawang dengan penahanan dua lelaki dan menyita dua lori.



# Isi minyak diesel 10 kali sehari

Dua pemandu lori  
menyeleweng bahan  
bakar bersubsidi  
terbongkar

Oleh **MOHD HARIS FADLI**  
**MOHD FADZIL**  
**GOMBAK**



FOTO: KPDNHEP SELANGOR

**K**egiatan dua pemandu lori mengisi diesel bersubsidi sehingga 10 kali sehari di sebuah stesen minyak di Rawang terbongkar selepas digempur Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor, 1 November lalu.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Mohd Zuhairi Mat Radey berkata, serbuan sekitar jam 9 malam itu dijalankan susulan aduan awam mengenai pergerakan lori tersebut yang berulang kali mengisi minyak di stesen minyak berkenaan.

"Tindakan serbuan hendak oleh pasukan operasi dilakukan semasa aktiviti pengisian minyak diesel sedang dilakukan oleh pemandu lori berkenaan di sebuah stesen minyak di Rawang.

"Modus operandi aktiviti ini



**MOHD ZUHAIRI**

adalah membuat pengisian di stesen minyak secara berulang antara enam hingga 10 kali sehari untuk dihantar ke stor berhampiran yang disyaki stor haram," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Mohd Zuhairi berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan terdapat aktiviti jual beli secara tidak sah antara stesen minyak tersebut dengan stor berkenaan.

"Pasukan serbuan telah membuat pemeriksaan lanjut terhadap stesen minyak berhubung pembelian minyak diesel yang mencurigakan.

Peralatan yang digunakan untuk memindahkan minyak terbabit.

"Arahan Pengisytiharan Stok dan Mengemukakan Maklumat/Dokumen di bawah Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961 telah dikeluarkan kepada stesen minyak berkenaan," katanya.

Beliau berkata, pasukan serbuan telah menyita dua buah lori mengandungi 830.3 liter minyak diesel bersubsidi dan nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM300,000.

"Kedua-dua pemandu lori ditahan dan dibebaskan dengan jaminan polis selepas dirakam percakapan.

"Siasatan dijalankan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 terhadap pemilik stesen minyak kerana menjual diesel kepada kenderaan melebihi 250 liter seperti yang ditetapkan oleh pengawal bekalan," katanya.



## Gudang sorok barang tiruan diserbu

**RAWANG** - Sebuah gudang di Taman Garing Utama di sini yang menyimpan pelbagai barangan dipercayai tiruan bernilai RM16,225 untuk pasaran secara dalam talian diserbu pada Rabu lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor, Mohd Zuhairi Mat Radey berkata, operasi dijalankan pihaknya pada jam 8.30 malam dengan kerjasama wakil pemilik cap dagang.

Menurutnya, pemeriksaan menemui pelbagai barangan iaitu selipar

(3,520 pasang), topi (760 unit), seluar (135 pasang) dan sarung kaki (120 pasang) dengan pelbagai jenama, saiz dan rekaan yang dipakalkan dengan suatu cap dagangan berdaftar tanpa kebenaran pemilik cap dagang yang sah.

"Seorang lelaki tempatan turut dirakam keterangan untuk membantu siasatan," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Tambah beliau, kes disiasat di bawah Akta Cap Dagangan 2019.

**KELUHAN PEMBELI AYAM**

# Upah potong naik 50 sen



SHAHNOMRI (bertopi) tidak bersetuju caj upah potong ayam dikenakan peniaga.

Oleh Meor Riduwan  
Meor Ahmad  
am@hmetro.com.my

**Melaka**

**D**i mana rasionalnya apabila peniaga ayam segar di Pasar Besar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) Bachang di sini, mengenakan caj upah potong RM1.30 bagi setiap sekilogram (kg) ayam.

Caj berkenaan meningkat 50 sen berbanding 80 sen yang mula dikenakan peniaga sejak Jun lalu atas alasan menampung kerugian.

Tindakan itu menimbulkan persoalan selepas kerajaan memutuskan pemberian subsidi diteruskan kepada penternak dan harga siling runcit bagi ayam standard kekal RM9.40 sekilogram bagi Semenanjung Malaysia.

Beberapa pembeli ditemui menyifatkan caj upah potong membebankan pengguna berikutan harga barangan keperluan lain juga meningkat termasuk ikan dan sayur-sayuran.

Seorang pembeli, Shahnomri Mohd Nor, 31, berkata, dia tidak bersetuju caj potong dikenakan kerana ia membebankan pengguna.

"Bagi saya harga maksimum RM9.40 bagi sekilogram ayam sudah mahal, ditambah caj upah RM1.30, macam cekik darah pula, sedangkan gaji naik sikit."

"Saya pun tidak perasan ada caj potong kerana pe-



Bagi saya harga maksimum RM9.40 bagi sekilogram ayam sudah mahal, ditambah caj upah RM1.30, macam cekik darah pula, sedangkan gaji naik sikit"

**Shahnomri Mohd Nor**

niaga tidak maklumkan. Sepatutnya mereka perlu jujur kepada pelanggan," katanya yang membeli bekalan ayam setiap minggu di pasar itu.

Pekerja swasta, A Joseph, 38, turut senada dan berharap peniaga menimbangkan semula upah potong itu.

"Kenapa dikenakan caj potong kepada pengguna? Sekarang ini semua barangan naik harga, saya bawa RM100 ke pasar dapat beli tiga barang saja ketam, ikan dan ayam," katanya.

Peniaga ayam segar, Ghazali Abu Bakar, 48, menegaskan peningkatan caj upah potong itu bagi menampung kerugian disebabkan harga ayam dikenakan pemborong melebihi harga siling.

"Bekalan ayam dari pemborong kami dapat pada harga antara RM9.40 hingga RM9.50 sekilogram. Takkan kami nak jual harga modal, apa untung kami dapat?"

"Punca harga naik sebab penternak tidak dapat tam-

pung kos makanan ayam dan bekalan anak ayam banyak mati kerana cuaca panas. Mereka tidak dapat jual ikut harga siling dan terpaksa naikan kos," katanya.

Menurutnya, peniaga juga tiada pilihan selain mengenakan caj upah potong bagi mendapat sedikit keuntungan dan mengelakkan tindakan jika menjual melebihi harga siling," katanya.

"Jika boleh kami mohon harga ayam dinaikkan kepada RM10.70 sekilogram, tidak perlu lagi dikenakan caj upah RM1.30. Tidakkah pelanggan tertanya-tanya mengapa ada caj upah," katanya.

Dalam perkembangan sama, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Melaka, Norena Jaafar berkata, pihaknya sudah mengeluarkan notis kepada 25 peniaga ayam di pasar terbabit pada minggu lalu berhubung caj servis tambahan RM1.30 yang dikenakan.

"Peniaga terbabit diberi masa sehingga hari ini untuk jelaskan sebab caj upah RM1.30 itu dikenakan kerana mereka tidak boleh menjual ayam standard lebih RM10.40 sekilogram. Andai kata terdapat kesalahannya kita akan ambil tindakan."

"Kita akan siasat punca caj itu daripada penternak atau pemborong kerana ada kala peniaga dapat bekalan ayam mahal dari orang tengah," katanya.



|                                                                                                                         |                         |         |                |         |                         |        |                        |        |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------|---------|----------------|---------|-------------------------|--------|------------------------|--------|
|  <p>Senarai Harga Barang Keperluan</p> | • Ayam                  | RM7.99  | • Telur Gred A | RM12.75 | • Gula Pasir            | RM2.71 | • Cili Merah           | RM10   |
|                                                                                                                         | • Daging Lembu Tempatan | RM36    | • Ikan Kembung | RM12    | • Bawang Besar* Holland | RM3.39 | • Kubis Bulat Tempatan | RM2.50 |
|                                                                                                                         | • Daging Lembu Import   | RM44.59 | • Minyak Masak | RM6.75  | • Bawang Putih          | RM4.99 | • Tepung Gandum        | RM3    |
| <p>*Harga (RM/kg) Sumber: KPOMHEP</p>                                                                                   |                         |         |                |         |                         |        |                        |        |

## Sindiket lori angkut diesel ke stor haram kena serbu

**PETALING JAYA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor menumpaskan sindiket penyelewengan barang kawalan bersubsidi bahan api jenis diesel dengan menahan dua lelaki tempatan di Rawang di sini pada 1 November lalu.

Serbuan pukul 9 malam itu dilakukan di sebuah stesen minyak selepas mendapat aduan berhubung aktiviti pergerakan lori membuat pengisian minyak diesel secara berulang.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Mohd. Zuhairi Mat Radey berkata, serbuan dilakukan ketika pemandu lori mengisi minyak di sebuah stesen minyak di situ.

Menurut beliau, modus operandi membuat pengisian antara enam hingga sepuluh kali sehari untuk dihantar ke stor berhampiran yang dijadikan pusat penyimpanan haram.

"Berdasarkan situasi ini, dipercayai ada aktiviti urus niaga jual beli antara stesen minyak yang berdekatan dengan stor tersebut.

"Justeru KPDNHEP mengarahkan pengisytiharan stok dan mengemukakan dokumen di bawah Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961 (AKB 1961) dikeluarkan," katanya dalam kenyataan malam.

Kata beliau, dua orang warga tempatan iaitu pemandu lori turut ditahan tetapi kemudian dilepaskan dengan jaminan polis.

"Kita turut mengambil keterangan pengurus stesen minyak bagi keperluan siasatan.

"Tindakan sitaan melibatkan dua lori, dokumen berkaitan dengan siasatan dan minyak diesel dalam tangki lori berjumlah 830.3 liter.

"Anggaran keseluruhan nilai sitaan adalah sebanyak RM300,000," ujarnya.

| BERITA ONLINE BERTARIKH 8 NOVEMBER 2022 |                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |                 |
|-----------------------------------------|------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|
| TARIKH                                  | TAJUK                                                      | PAUTAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | MEDIA           |
| 8-Nov                                   | Caj potong ayam di Melaka naik lebih 60 peratus sekilogram | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/11/1022135/caj-potong-ayam-di-melaka-naik-lebih-60-peratus-sekilogram">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/11/1022135/caj-potong-ayam-di-melaka-naik-lebih-60-peratus-sekilogram</a> | BH              |
| 8-Nov                                   | Caj upah potong ayam RM1.30, ramai terkejut...             | <a href="https://youtu.be/J8SDkHFdhyQ">https://youtu.be/J8SDkHFdhyQ</a>                                                                                                                                                                                                                                     | HM              |
| 8-Nov                                   | Caj upah potong ayam RM1.30, ramai terkejut..              | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/11/900941/caj-upah-potong-ayam-rm130-ramai-terkejut">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/11/900941/caj-upah-potong-ayam-rm130-ramai-terkejut</a>                                                     | HM              |
| 8-Nov                                   | Caj RM1.30 Upah Potong Ayam Cekik Darah – Pengguna         | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.samudera.my/caj-rm1-30-upah-potong-ayam-cekik-darah-pengguna/amp/">https://www.google.com/amp/s/www.samudera.my/caj-rm1-30-upah-potong-ayam-cekik-darah-pengguna/amp/</a>                                                                                         | SAMUDERA        |
| 8-Nov                                   | KPDNHEP serbu stor barangan tiruan                         | <a href="https://malaysiagazette.com/2022/11/07/kpdnhep-serbu-stor-barangan-tiruan/">https://malaysiagazette.com/2022/11/07/kpdnhep-serbu-stor-barangan-tiruan/</a>                                                                                                                                         | MALAYSIAGAZETTE |
| 8-Nov                                   | Rampas pelbagai barangan tiruan bernilai RM16,225          | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/11/900875/rampas-pelbagai-barangan-tiruan-bernilai-rm16225">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/11/900875/rampas-pelbagai-barangan-tiruan-bernilai-rm16225</a>                                       | HM              |
| 8-Nov                                   | Barangan tiruan bernilai RM16,225 dirampas                 | <a href="https://www.utusan.com.my/berita/2022/11/barangan-tiruan-bernilai-rm16225-">https://www.utusan.com.my/berita/2022/11/barangan-tiruan-bernilai-rm16225-</a>                                                                                                                                         | UM              |
| 8-Nov                                   | Sindiket seleweng diesel subsidi tumpas                    | <a href="https://malaysiagazette.com/2022/11/07/sindiket-seleweng-diesel-subsidi-">https://malaysiagazette.com/2022/11/07/sindiket-seleweng-diesel-subsidi-</a>                                                                                                                                             | MALAYSIAGAZETTE |
| 8-Nov                                   | Curi diesel 10 kali sehari                                 | <a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2022/11/1022292/curi-diesel-10-kali-sehari">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2022/11/1022292/curi-diesel-10-kali-sehari</a>                                                                                                                             | BH              |

|       |                                                                |                                                                                                                                                                                                                           |            |
|-------|----------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 8-Nov | Curi diesel 10 kali sehari                                     | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/11/900859/curi-diesel-10-kali-sehari">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/11/900859/curi-diesel-10-kali-sehari</a> | HM         |
| 8-Nov | Isi diesel 10 kali sehari, dua pemandu lori dicekup            | <a href="https://m.sinarharian.com.my/mobile-article?articleid=290321">https://m.sinarharian.com.my/mobile-article?articleid=290321</a>                                                                                   | SH         |
| 8-Nov | Ulang alik curi diesel 10 kali sehari, 2 pemandu lori diberkas | <a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/ulang-alik-curi-diesel-10-kali-sehari-2-pemandu-lori-diberkas/">https://www.buletintv3.my/jenayah/ulang-alik-curi-diesel-10-kali-sehari-2-pemandu-lori-diberkas/</a>           | BULETINTV3 |